

**NO. SOALAN: 460**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. IZANI BIN HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Izani Bin Husin [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menilai kembali pelaksanaan Cukai Pelancongan khususnya terhadap rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.**

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Cukai Pelancongan merupakan cukai Persekutuan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 yang dikenakan terhadap pelancong asing yang menginap di premis penginapan berbayar di seluruh Malaysia. Hasil kutipan Cukai Pelancongan ini akan diagihkan semula bagi tujuan promosi dan aktiviti pemasaran yang lebih agresif dan efektif.

Kementerian akan meneruskan pelaksanaan Cukai Pelancongan dan memastikan pelaksanaannya tidak membebankan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Dalam hal ini, Kerajaan bercadang untuk mengecualikan Cukai Pelancongan terhadap pelancong domestik yang menginap di semua jenis premis penginapan. Selain itu, Cukai Pelancongan juga tidak akan dikenakan ke atas premis penginapan yang mempunyai 4 bilik atau kurang darinya. Ini merupakan salah satu usaha untuk menggalakkan pelancongan domestik.

Sekian, terima kasih.

RT32/461

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. IZANI BIN HUSIN**  
**DARIPADA [PENGKALAN CHEPA]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan apakah sebab berlakunya sekatan peruntukan termasuk elaun perjalanan dan makan terhadap guru yang melaksanakan kursus di lapangan seperti yang disuarakan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan (NUTP)**

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) merupakan satu kaedah bagi memastikan kompetensi guru sentiasa berada pada tahap tinggi bagi menjamin pendidikan berkualiti. Guru perlu diberi peluang seluas-luasnya mengikut PPB melalui pelbagai aktiviti tanpa menunggu PPB yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh itu dasar pelaksanaan PPB seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) mensasarkan lebih banyak PPB melalui **inisiatif sendiri** pada masa hadapan. Dalam Gelombang 3 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, disasarkan 60 peratus PPB adalah berdasarkan inisiatif sendiri.

Strategi dan kaedah latihan yang diguna pakai oleh KPM pada masa kini adalah melalui:-

1. Latihan secara bersemuka (*face to face*).
2. Kaedah latihan teradun (*Blended Training Approach*) (sesi perkongsian ilmu, *Executive Talk*, program pementoran dan sebagainya yang boleh dikira dengan 6 jam kehadiran bersamaan satu hari kursus).
3. *In-house Training* dilaksanakan di peringkat Bahagian/Institusi dengan menggunakan kepakaran dalaman.
4. Kaedah Latihan Berasaskan Sekolah (*school based*).
5. Kaedah Latihan dalam talian (e-pembelajaran) seperti menggunakan portal E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) yang dibangunkan oleh pihak INTAN dan perpustakaan video e-Guru yang menyediakan lebih daripada 150 koleksi contoh pengajaran dan pembelajaran (PdP) terbaik yang boleh digunakan semasa sesi latihan dan bimbingan tentang kemahiran pedagogi secara dalam talian.
6. Kaedah Pembacaan Buku (*book review*) dilaksanakan di peringkat Bahagian/Institusi bagi menampung keperluan latihan 7 hari sekiranya tidak mencukupi.
7. Program latihan yang dianjurkan oleh agensi luar/swasta.